

PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK DI SEKOLAH RENDAH

Aida Hartini Mahmud
Zolkepeli Haron
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan meneroka tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah rendah berdasarkan lima jenis penglibatan ibu bapa Epstein. Responden kajian merupakan ibu bapa murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 dari sebuah sekolah rendah bantuan penuh kerajaan. Kajian tinjauan ini menggunakan sepenuhnya soal selidik dalam mendapatkan data yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan SPSS. Hasil kajian menunjukkan tahap penglibatan responden berada pada tahap yang baik untuk tiga jenis penglibatan iaitu memenuhi tanggungjawab sebagai ibu bapa, pembelajaran di rumah dan pembuat keputusan manakala penglibatan ibu bapa dalam komunikasi berada pada tahap sederhana. Penglibatan ibu bapa sebagai sukarelawan pula didapati berada pada tahap rendah. Tahap pendidikan ibu bapa pula didapati berkorelasi secara signifikan untuk pembelajaran di rumah dan komunikasi. Kajian ini mendapati aktiviti membantu anak menyiapkan kerja sekolah dan menyemak kerja sekolah anak merupakan strategi yang paling kerap dilakukan oleh ibu bapa tanpa mengira latar belakang pendidikan mereka untuk menyumbang dalam pendidikan anak-anak mereka di peringkat sekolah rendah. Penglibatan ibu bapa sebagai sukarelawan di sekolah perlu ditingkatkan sejajar dengan hasrat pihak sekolah dan kementerian yang mahukan ibu bapa dan komuniti menyumbang kepada pencapaian anak mereka di sekolah.

Kata Kunci: *Penglibatan ibu bapa, tanggungjawab ibu bapa, komunikasi, sukarelawan, pembelajaran di rumah.*

PENGENALAN

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak memberi kesan positif terhadap pencapaian murid (Desimone, 1999; Fan & Chen, 2001; Hoover-Dempsey & Sandler, 1997; Hoover-Dempsey, 1995; Lee & Bowen, 2006). Kajian turut mendapati penglibatan ibu bapa seharusnya bukan hanya di sekolah malahan ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah (Epstein, 2001; Shaver & Walls, 1998) melalui penyertaan secara langsung dan juga tidak langsung (Deslandes & Bertrand, 2005; Goldscheider, et al., 2001). Keterlibatan ibu bapa di rumah mahupun di sekolah secara berterusan didapati berkait rapat dengan pencapaian akademik anak-anak (Christenson & Sheridan, 2001; Izzo, et al., 1999; Miedel & Reynolds, 1999; Shaver & Walls, 1998). Kajian Hendersen & Mapp (2002) mendapati anak-anak yang ibu bapanya terlibat dengan pendidikan anak mereka akan memperoleh keputusan yang cemerlang, lulus dalam peperiksaan, kerap ke sekolah, mempunyai kemahiran sosial dan tingkah laku yang baik

serta mampu menyesuaikan diri dengan baik di sekolah dan berjaya menamatkan persekolahan.

Dapatan kajian Desimone (1999) menunjukkan status sosio-ekonomi mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mereka. Ibu bapa dengan status sosio ekonomi yang baik lebih banyak terlibat dalam pendidikan anak-anak kerana mereka mampu menyediakan peluang dan sumber pendidikan untuk anak mereka. Manakala kajian Epstein (2001) pula mendapati pencapaian murid adalah lebih baik apabila ibu bapa terlibat dalam pendidikan anak-anak tanpa mengira aspek sosio-ekonomi, latar belakang etnik atau keturunan, dan tahap pendidikan mereka. Dalam konteks pendidikan Malaysia, kajian Vellymalay (2013) mendapati ibu bapa terlibat secara aktif dengan pendidikan anak mereka di rumah tanpa mengira status sosio-ekonomi. Dapatan kajian Wan Afizi, et al. (2014) terhadap prestasi pendidikan anak Orang Asli menunjukkan tahap pendidikan ibu bapa yang rendah mendorong mereka bersikap tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak.

Model penglibatan ibu bapa Epstein telah dipilih sebagai kerangka kajian ini kerana ia dibina berdasarkan andaian bahawa perkongsian paling berkesan apabila tiga pihak iaitu ibu bapa, sekolah dan komuniti berkongsi matlamat dan misi melibatkan anak-anak dan berkolaborasi bagi mencapai matlamat dan visi pendidikan (Epstein, 2001). Ia bertepatan dengan anjakan kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang berhasrat mewujudkan ekosistem pembelajaran melalui kerjasama pihak sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas keranaproses pembelajaran turut berlaku di luar sekolah, termasuk di rumah dan dalam masyarakat. Che Noraini, et al. (2015) yang membuat kajian perbandingan penglibatan ibu bapa di sekolah rendah dan menengah turut menggunakan model Epstein sebagai kerangka kajian mereka dan berpendapat Kementerian Pendidikan perlu mewujudkan satu kerangka yang standard bagi mengkaji penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Selain itu, model Epstein juga mengandungi kerangka enam jenis penglibatan ibu bapa yang membolehkan pihak sekolah membangunkan program melibatkan ibu bapa-sekolah dan teori pertindihan sfera mampu menjelaskan pengaruh sekolah, keluarga dan komuniti dalam kehidupan anak-anak (Armstrong-Piner, 2008).

Epstein & Hollifield (1996) menyatakan bahawa ibu bapa, sekolah dan komuniti dikenal pasti sebagai persekitaran yang memberi kesan kepada pembelajaran dan perkembangan anak-anak pada masa yang sama. Epstein menjelaskan hubungan antara ibu bapa, sekolah dan komuniti dalam kerangka yang mengandungi enam jenis tingkah laku penglibatan ibu bapa. Berdasarkan model penglibatan ibu bapa Epstein, enam jenis penglibatan ibu bapa adalah memenuhi kewajipan ibu bapa (*parenting*), komunikasi (*communicating*), sukarelawan (*volunteering*), pembelajaran di rumah (*learning at home*), pembuatan keputusan (*decision making*) dan bekerjasama dengan komuniti (*collaborating with community*). Kerangka ini dibina bagi memudahkan semua pihak yang terlibat dengan pendidikan anak-anak merangka program yang lebih baik dan meluaskan pengetahuan berkaitan penglibatan ibu bapa (Connors & Epstein, 1995). Semua ibu bapa berkehendakkan anak mereka cemerlang dalam pelajaran (Epstein, 2001) tetapi cara mereka mencapai matlamat tersebut bergantung kepada usaha pihak sekolah mendapatkan kerjasama ibu bapa untuk sama-sama terlibat dalam usaha memastikan kecemerlangan anak-anak.

Artikel ini meneroka sejauh mana model Epstein mampu menjelaskan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di salah sebuah sekolah rendah di Malaysia. Kajian ini penting kerana kajian-kajian dalam negara yang berkaitan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan tertumpu kepada kanak-kanak khas (Gulson Begum & Mohd Hanafi, 2013; Norshidah, et al., 2001), masyarakat Orang Asli (Wan Afizi, et al., 2014; Wan Sofiah, 2007), gaya keibubapaan (Nik Hairi, et al., 2012; Zahra Parsasirat, et al., 2013) serta faktor-faktor sosioekonomi yang mempengaruhi keterlibatan ibu bapa (Vellymalay, 2013). Kajian yang mengaplikasikan model Epstein perlu diperluas kerana kemampuannya untuk mengenal pasti sejauh mana ibu bapa berperanan dalam pendidikan anak-anak akan membolehkan pihak berkepentingan merangka penambahbaikan bagi meningkatkan kolaborasi antara ibu bapa, pihak sekolah dan komuniti. Dapatan kajian Armstrong-Piner (2008) yang mengaplikasikan model ini menunjukkan ibu bapa memerlukan bimbingan dari sekolah dan guru-guru untuk menjadi lebih produktif manakala murid-murid dapat mencapai potensi mereka dengan lebih baik apabila wujud interaksi antara pembelajaran di sekolah dan suasana di rumah.

Pengaruh teori pertindihan sfera (Epstein, 2001) pula menjelaskan bahawa pihak sekolah perlu menyedari bahawa murid-murid datang ke sekolah membawa budaya, etnik, dan keluarga mereka yang dinamik. Oleh itu, pengajaran tidak akan berlaku secara berasingan, tetapi bersama-sama dengan seluruh keluarga, kejiranan, dan masyarakat. Artikel ini mengupas tiga persoalan kajian iaitu: (i) apakah tahap penglibatan ibu bapa yang paling dominan dalam kalangan responden kajian berdasarkan model penglibatan ibu bapa Epstein? (ii) apakah strategi yang paling kerap diamalkan oleh ibu bapa untuk terlibat dalam proses pembelajaran anak dan sejauh mana ia menyumbang kepada tahap penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak? dan (iii) adakah tahap penglibatan ibu bapa dipengaruhi oleh tahap pendidikan mereka? Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan penglibatan ibu bapa bagi lima jenis penglibatan iaitu memenuhi kewajipan ibu bapa, komunikasi, sukarelawan, pembelajaran di rumah dan pembuatan keputusan.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel Kajian

Responden kajian merupakan ibu bapa kepada murid-murid yang dipilih melalui persampelan bertujuan yang dijalankan ke atas murid-murid Tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Taming Jaya, Hulu Langat, Selangor untuk sesi persekolahan 2016. Kaedah persampelan bukan rawak digunakan kerana responden dipilih berdasarkan kesanggupan dan kesediaan mereka serta mudah untuk mengambil bahagian dalam kajian (Fraenkel & Wallen, 2003). Berdasarkan statistik pihak sekolah, terdapat 1050 murid dengan 326 orang murid Tahun 6, 351 orang murid Tahun 5 dan 373 orang murid Tahun 4. Seramai 150 orang murid terdiri daripada 50 orang murid Tahun 4, 50 orang murid Tahun 5 dan 50 orang murid Tahun 6 telah dipilih untuk terlibat dalam kajian. Daripada 150 orang murid yang dipilih, hanya 99 orang responden yang bersetuju dan memulangkan soal selidik yang diberi dengan lengkap. Kutipan data kajian dijalankan selama dua minggu bermula 15 Oktober 2016.

Instrumen Kajian

Kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan ini telah mengadaptasi soalselidik yang dibangunkan oleh Joyce Epstein dan Karen Salinas dari Johns Hopkins University (Epstein, et al., 1993). Ia mengandungi tiga bahagian iaitu: (i) latar belakang demografi responden seperti status responden, tahap pendidikan, bidang pekerjaan dan status sekolah sama ada bandar atau luar bandar; (ii) persepsi responden terhadap sekolah (13 item yang mengukur persepsi ibu bapa kepada sekolah di mana anak mereka belajar serta pandangan mereka terhadap keupayaan untuk membantu pembelajaran anak mereka); (iii) strategi ibu bapa untuk terlibat dalam proses pembelajaran (16 item yang mengukur pembelajaran di rumah dan di sekolah); dan (iv) komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa (10 item yang menilai keberkesanan komunikasi pihak sekolah dengan ibu bapa). Namun bagi tujuan kajian ini, fokus perbincangan adalah penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak yang melibatkan 30 item. Item-item melibatkan latar belakang ibu bapa atau penjaga berbentuk soalan-soalan tertutup manakala item yang berkaitan persepsi ibu bapa memerlukan responden memilih daripada empat respon yang disediakan iaitu 'sangat tidak setuju', 'tidak setuju', 'setuju' atau 'sangat setuju'. Pilihan 'tidak atau belum pernah', '1-2 kali', '3-5 kali' atau 'lebih 5 kali' disediakan bagi strategi ibu bapa terlibat dalam proses pembelajaran di rumah dan di sekolah. Tiga pilihan respon diberi bagi menilai kaedah sekolah berkomunikasi dengan ibu bapa sama ada pihak sekolah 'tidak pernah melaksanakan', 'ada melaksanakan dan perlu ditambah baik' atau 'dilaksanakan dengan baik'.

Prosedur Kajian

Kesemua responden yang dipilih dimaklumkan mengenai sifat kajian ini melalui surat yang diedarkan beserta soal selidik melalui anak-anak mereka. Mereka juga dimaklumkan bahawa semua maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Daripada 150 set soal selidik yang diedarkan kepada responden, 51 tidak dikembalikan. Data kuantitatif merangkumi maklumat responden, pendapat dan penglibatan mereka dalam pendidikan anak mereka diperolehi sepenuhnya daripada soal selidik yang diedarkan. Data tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS). Analisis kebolehpercayaan menunjukkan bahawa kesemua sebelas item yang membentuk lima konstruk penglibatan ibu bapa adalah konsisten. Nilai Alfa Cronbach adalah 0.717 menunjukkan bahawa item-item ini boleh dipercayai. Ujian kebolehpercayaan soal selidik ke atas kesemua item kajian menghasilkan nilai Alfa Cronbach 0.843. Nilai ini dianggap baik dan mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi (Pallant, 2005).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Daripada 99 orang responden, 61.6% terdiri daripada ibu, 37.8% adalah bapa dan 1.2% responden berstatus penjaga. Ia menjelaskan bahawa ibu lebih banyak terlibat dalam pendidikan anak-anak berbanding bapa dan penjaga bagi populasi kajian ini. Ia berbeza dengan kajian Vellymalay (2013) mendapati golongan bapa lebih banyak terlibat dalam pendidikan anak-anak berkemungkinan kerana kajian tersebut dijalankan di sekolah yang mempunyai pencapaian tinggi. Selain itu, data juga menunjukkan 46.3% responden adalah ibu bapa atau penjaga kepada murid Tahun 5 manakala selebihnya adalah ibu bapa murid Tahun 4 dan 6. Tahap pendidikan responden pula menunjukkan 42.7% terdiri daripada mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya diploma, 35.8% berpendidikan menengah,

12.2% menamatkan pengajian di kolej, maktab atau politeknik dan 8.5% pula hanya berpendidikan rendah. Lebih separuh responden menamatkan pendidikan lepas menengah menjadi indikator bahawa responden dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan yang baik manakala dari aspek pekerjaan, sejumlah 82.5% responden bekerja di sektor awam atau badan berkanun, swasta dan juga bekerja sendiri dan baki 17.5% responden tidak bekerja. Ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti responden berstatus ibu, mereka berkemungkinan besar bekerjaya.

Jenis Penglibatan Ibu Bapa

Memenuhi kewajipan sebagai ibu bapa (*parenting*) merupakan salah satu konstruk dalam model penglibatan ibu bapa Epstein. Fokus kajian merujuk kepada cara-cara untuk membantu ibu bapa membina persekitaran di rumah yang boleh menyokong keperluan pendidikan anak-anak mereka. Di samping itu, persekitaran tersebut diharapkan dapat menggalakkan ibu bapa berperanan secara aktif dalam pembelajaran anak-anak. Dalam kajian ini, konstruk memenuhi kewajipan ibu bapa ditentukan oleh keupayaan ibu bapa membantu anak menyiapkan kerja sekolah, membantu anak merancang masa untuk membuat kerja sekolah dan tugasan lain serta menyemak kerja sekolah anak.

Jadual 1: Item bagi konstruk memenuhi kewajipan sebagai ibu bapa

Item	Deskriptif					Min	Sisihan piawai
	Belum, pernah	Tidak	1-2 kali	3-5 kali	Lebih 5 kali		
Membantu anak menyiapkan kerja sekolah	0		13.1	37.3	48.9	3.36	0.698
Membantu anak merancang masa untuk membuat kerja sekolah dan tugasan lain	2		11.1	55.6	30.3	3.16	0.701
Menyemak kerja sekolah anak	4		8.1	47.5	40.4	3.26	0.768

Dapatan menunjukkan ibu bapa memenuhi kewajipan sebagai ibu bapa dalam aspek pendidikan di luar sekolah. Sebanyak 48.9% responden membantu anak mereka menyiapkan kerja sekolah lebih lima kali dalam seminggu, 30.3% responden pula membantu anak-anak mereka merancang masa untuk kerja sekolah dan tugasan lain dan 40.4% responden menyemak kerja sekolah anak mereka lebih 5 kali setiap minggu. Tahap penglibatan ibu bapa bagi ketiga-tiga item berada pada tahap yang baik berdasarkan nilai min yang diperolehi. Nilai sisihan piawai yang kecil pula menunjukkan variasi data yang kecil. Sebahagian besar ibu bapa berketurunan Melayu didapati terlibat dengan pembelajaran anak mereka di rumah tanpa mengira latar belakang sosioekonomi mereka (Vellymalay, 2013). Ibu bapa perlu menyedari bahawa mereka adalah guru terawal kanak-kanak dan mungkin guru terbaik buat mereka Morrison (1991). Persekitaran rumah dan pendidikan oleh ibu bapa berperanan dalam meningkatkan kognitif dan membentuk tingkah laku yang baik anak-anak mereka (Biedinger, 2011). Bagi konstruk pembelajaran di rumah (*learning at home*), fokus penilaian diberikan kepada keupayaan ibu bapa melaksanakan strategi pembelajaran di rumah. Ia diukur melalui item 'saya boleh

membantu anak saya dalam mata pelajaran bahasa’, ‘saya boleh membantu anak saya dalam mata pelajaran Matematik’ dan ‘saya boleh membantu anak saya dengan lebih baik jika guru memberikan caranya’.

Jadual 2: Item bagi konstruk pembelajaran di rumah

Item	Deskriptif				Min	Sisihan piawai	
	Sangat Setuju	Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju			Sangat Setuju
Saya boleh membantu anak saya dalam mata pelajaran bahasa.	1		11.1	68.7	19.2	3.06	0.574
Saya boleh membantu anak saya dalam mata pelajaran Matematik	0		19.2	59.6	21.2	3.03	0.637
Saya boleh membantu anak saya dengan lebih baik jika guru memberikan caranya	0		14.1	60.6	24.2	3.09	0.617

Item-item dalam jadual di atas mengukur keupayaan ibu bapa untuk membantu pembelajaran di rumah. Dapatan soal selidik menunjukkan hanya 19.2% daripada 99 responden sangat bersetuju dan boleh membantu anak mereka dalam mata pelajaran bahasa manakala 21.2% responden sangat bersetuju dan berupaya membantu anak mereka dalam mata pelajaran Matematik. Sejumlah 84.8% responden pula setuju jika guru memberikancarabagi membolehkan mereka membantu anak mereka dalam pembelajaran di rumah. Ini tidak bermakna ibu bapa tidak tahu cara untuk membantu anak mereka dalam pendidikan tetapi perubahan kandungan kurikulum dan inovasi dalam pendidikan yang berkembang mungkin mendorong ibu bapa untuk memberikan respon yang tinggi untuk item ini. Secara keseluruhan, penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran di rumah berada pada tahap baik berdasarkan nilai min yang diperolehi dan variasi data lebih baik berbanding data untuk konstruk memenuhi tanggungjawab sebagai ibu bapa.

Konstruk komunikasi ibu bapa (*communicating*) pula menunjukkan kekerapan ibu bapa bersembang dengan guru yang mengajar anak mereka di samping berhubung dengan mereka melalui telefon sepanjang anak mereka bersekolah. Ia juga diukur berdasarkan kekerapan mengadakan pertemuan ibu bapa dan guru serta pendedaran notis,makluman peristiwa atau berita sekolah yang jelas dan mudah dibaca oleh ibu bapa.

Jadual 3: Item bagi konstruk komunikasi oleh ibu bapa

Item	Deskriptif				Min	Sisihan piawai	
	Belum, pernah	Tidak	1-2 kali	3-5 kali			Lebih 5 kali
Bersembang dengan guru yang mengajar anak saya		12.1	45.5	33.3	9	2.39	0.824
Berhubung dengan guru yang mengajar anak saya melalui telefon		36.4	46.5	14.1	5	1.89	0.840

Nilai min di atas menunjukkan ibu bapa kurang berkomunikasi dengan guru yang mengajar anak mereka dengan 42.3% responden pernah bersembang sekurang-kurangnya tiga kali dengan guru sepanjang tempoh anak mereka bersekolah manakala hanya 19.1% pernah berhubung sekurang-kurangnya tiga kali melalui telefon. Ibu bapa mungkin tidak menyedari bahawa sekiranya mereka sering menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah serta berhubung dengan guru anak-anak mereka, pencapaian akademik anak mereka akan lebih baik berbanding dengan ibu bapa yang tidak berbuat demikian (Shumow & Miller, 2001). Dapatan komunikasi oleh pihak sekolah pula ditunjukkan dalam Jadual 4 dengan 51.5% responden berpendapat pertemuan ibu bapa dan guru yang diadakan perlu ditambah baik manakala 62.6% responden pula bersetuju bahawa pihak sekolah memaklumkan melalui notis, makluman peristiwa dan berita sekolah yang jelas dan mudah dibaca kepada mereka. Selain itu, pihak sekolah turut menghubungi ibu bapajika anak mereka mempunyai masalah dan 44.4% responden berpendapat ia perlu ditambah baik. Pada dasarnya, kesedaran pihak sekolah untuk melaksanakan amalan komunikasi sebagai strategi untuk menggalakkan penglibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah berada pada tahap tinggi (Gulson Begum & Mohd Hanafi, 2014) di mana Epstein (2001) menginterpretasikan tahap tinggi sebagai kerap sepanjang tahun.

Jadual 4: Item bagi komunikasi dari pihak sekolah

Item	Deskriptif			Min	Sisihan piawai
	Tidak dilaksanakan	Ada dilaksanakan dan perlu ditambah baik	Dilaksanakan dengan baik		
Mengadakan pertemuan ibu bapa dan guru	3	51.5	45.5	2.42	0.555
Mengedarkan notis, makluman peristiwa atau berita sekolah yang jelas dan mudah dibaca	4	33.3	62.6	2.59	0.572
Menghubungi ibu bapa jika anak mempunyai masalah	18.2	44.4	36.3	2.18	0.723

Konstruk kesukarelawan (*volunteering*) pula memfokuskan kepada bagaimana ibu bapa secara sukarela terlibat dalam aktiviti di sekolah dan bagaimana sekolah menggalakkan mereka menjadi sukarelawan sekolah. Data yang diperolehi menunjukkan ibu bapa memberi skor yang rendah untuk aktiviti kesukarelawan yang disenaraikan iaitu menghadiri mesyuarat PIBG, terlibat sebagai sukarelawan di sekolah dan permintaan menjadi sukarelawan oleh pihak sekolah.

Jadual 5: Item yang mengukur konstruk kesukarelawan

Item	Deskriptif				Min	Sisihan piawai
	Belum, Tidak pernah	1-2 kali	3-5 kali	Lebih 5 kali		
Hadir ke mesyuarat PIBG	13	46.5	29.3	10	2.35	0.849
Menjadi sukarelawan di sekolah	61	22	13	3	1.58	0.834

Berdasarkan jadual di atas, 85 responden pernah menghadiri mesyuarat PIBG sekurang-kurangnya sekali tetapi tetapi terdapat 61 responden yang belum atau tidak pernah menjadi sukarelawan di sekolah. Skor min bagi konstruk ini didapati lebih rendah daripada skor min konstruk-konstruk yang lain.

Jadual 6: Item komunikasi sekolah bagi menggalakkan ibu bapa sebagai sukarelawan

Item	Deskriptif			Min	Sisihan piawai
	Tidak dilaksanakan	Ada dilaksanakan dan perlu ditambah baik	Dilaksanakan dengan baik		
Meminta saya menjadi sukarelawan	36.3	46.5	17.2	1.81	0.710
Menjemput ke mesyuarat PIBG	0	34.3	64.6	2.65	0.478
Meminta saya membantu mengutip dana/derma	23.2	49.5	27.3	2.04	0.713

Jadual 6 pula memaparkan peranan pihak sekolah bagi menggalakkan ibu bapa menjadi sukarelawan di sekolah. 36 responden menyatakan pihak sekolah tidak pernah meminta mereka menjadi sukarelawan dan 23 responden pula menyatakan pihak sekolah tidak meminta mereka membantu mengutip dana atau derma. Namun begitu kesemua responden pernah dijemput ke mesyuarat PIBG tetapi hanya 39 responden yang menghadiri sekurang-kurangnya tiga kali sepanjang anak mereka bersekolah. Kajian Wan Afizi (2014) yang dijalankan di sekolah Orang Asli mendapati faktor jamaan boleh menggalakkan kehadiran ibu bapa masyarakat Orang Asli ke mesyuarat PIBG sekolah. Perkara ini boleh dipertimbangkan namun ia tidak akan berkesan untuk jangka masa panjang.

Jadual 7: Item bagi konstruk pembuatan keputusan

Item	Deskriptif				Min	Sisihan Piawai
	Sangat Setuju	Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju Sangat Setuju		
Sekolah ini melihat ibu bapa sebagai rakan	0	7	74.7	18.2	3.11	0.493

kongsi yang penting

Penglibatan ibu bapa dalam pembuatan keputusan memberi fokus kepada bagaimana sekolah melibatkan ibu bapa dalam proses pembuatan keputusan berkaitan persekolahan di samping melihat ibu bapa sebagai rakan kongsi. Berdasarkan Jadual 7, daripada 99 orang responden, 74.7% ibu bapa bersetuju dan 18% sangat bersetuju bahawa sekolah melihat ibu bapa sebagai rakan kongsi. Walau bagaimanapun, 7% responden tidak berpendapat ibu bapa perlu dilihat sebagai rakan kongsi sekolah. Penglibatan ibu bapa dalam pembuatan keputusan sangat terhad kerana status sekolah percuma tidak menggalakkan mereka terlibat secara langsung (Fitriah, 2013) dan perkara ini turut berlaku di sekolah kajian.

Jadual 8: Penglibatan ibu bapa untuk lima jenis penglibatan

Jenis Penglibatan	Deskriptif		
	Sub item	Sisihan piawai	Purata skor
Memenuhi kewajipan sebagai ibu bapa	3	0.583	3.251
Komunikasi	2	0.703	2.136
Pembelajaran di rumah	3	0.470	3.061
Kesukarelawan	2	0.697	1.965
Pembuat keputusan	1	0.493	3.111

Jadual 8 di atas menunjukkan penglibatan responden iaitu ibu bapa dan penjaga murid-murid di Sekolah Kebangsaan Taming Jaya dalam pembelajaran anak mereka. Didapati penglibatan ibu bapa yang dominan dalam pembelajaran anak mereka lebih kepada memenuhi tanggungjawab sebagai ibu bapa berdasarkan nilai min tertinggi yang diperolehi manakala tahap penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran di rumah berada pada tahap baik. Kemampuan ibu bapa berkomunikasi dengan pihak sekolah berada pada tahap yang sederhana. Ibu bapa juga melihat diri mereka penting sebagai pembuat keputusan di sekolah di mana anak mereka belajar walaupun penglibatan mereka sebagai sukarelawan di sekolah berada pada tahap rendah. Kemungkinan ibu bapa kurang terlibat sebagai sukarelawan di sebabkan komitmen terhadap keluarga dan kerja sedangkan mereka sanggup terlibat dalam aktiviti di rumah yang menyokong dan menggalakkan pembelajaran anak mereka berlaku (Armstrong, 2008). Hal ini menjelaskan pertentangan antara tahap penglibatan ibu bapa dengan kepercayaan mereka terhadap kepentingan untuk terlibat dalam pembelajaran anak-anak.

Kajian ini turut menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang melibatkan ibu bapa dan anak sama ada di rumah mahupun di sekolah yang bertujuan membantu proses pembelajaran mereka. Analisis min terhadap skor yang diberikan oleh responden menunjukkan beberapa aktiviti yang paling kerap dilakukan oleh ibu bapa berdasarkan nilai min yang tinggi. Antara aktiviti yang paling kerap dilakukan oleh ibu bapa adalah membantu anak menyiapkan kerja sekolah (min= 3.36, S.P = .707), bersembang perihal sekolah bersama anak (min=3.31, S.P = .695), menyemak kerja sekolah anak (min=3.24, S.P= .771), mendengar anak membaca (min=3.17, S.P=.715), membantu anak merancang masa untuk membuat kerja sekolah dan tugas lain (min=3.15, S.P=.694) dan membuat latihan ejaan atau topik tertentu sebelum peperiksaan (min=3.01, S.P=.851). Aktiviti-aktiviti tersebut dilakukan secara rutin oleh kebanyakan responden dalam usaha memastikan keterlibatan mereka dalam pendidikan anak-anak. Nilai sisihan piawai yang kecil pula menunjukkan serakan data yang lebih menumpu kepada nilai min yang diperolehi. Ia menunjukkan sebahagian

besar responden melaksanakan aktiviti tersebut secara kerap iaitu tiga hingga lima kali dalam seminggu.

Kajian ini juga berminat untuk melihat beberapa aktiviti yang kurang dilaksanakan oleh ibu bapa sedangkan ia memberi manfaat kepada pendidikan anak-anak. Antaranya ialah penglibatan ibu bapa sebagai sukarelawan di sekolah (min=1.58, S.P = .834), berhubung dengan guru yang mengajar anak melalui telefon (min=1.88, S.P=.836), membawa anak ke perpustakaan (min=2.19, S.P=.922), bersembang dengan guru yang mengajar anak mereka (min=2.39, S.P=.818) atau datang ke kelas anak (min=2.48, S.P=.735). Melihat kepada nilai min bagi aktiviti yang dinyatakan, didapati ibu bapa tidak menumpukan penglibatan mereka untuk aktiviti yang memerlukan mereka memperuntukkan masa bersama anak-anak, hadir atau berhubung dengan pihak sekolah. Hal yang demikian berlaku berkemungkinan kerana ibu bapa merasakan mereka harus berperanan dalam ruang lingkup sebagai ibu bapa, nilai kepercayaan yang tinggi dengan peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah dan kekangan masa untuk hadir ke sekolah atau membawa anak ke perpustakaan. Pihak sekolah didapati telah memainkan peranan yang sepatutnya seperti memaklumkan aktiviti atau acara yang berlangsung di sekolah agar ibu bapa dapat hadir melalui aplikasi atas talian (min=2.1, S.P=.735) dan mengedarkan notis atau makluman yang jelas serta mudah dibaca (min= 2.59, S.P=.572).

Penglibatan Ibu Bapa dan Tahap Pendidikan

Bagi mengetahui sama ada tahap penglibatan ibu bapa dipengaruhi oleh tahap pendidikan mereka, ujian korelasi telah dilaksanakan ke atas lima jenis penglibatan ibu bapa mengikut model Epstein. Hasil analisis korelasi menunjukkan wujud hubungan positif yang lemah tetapi signifikan antara dua jenis penglibatan ibu bapa dan tahap pendidikan mereka. Dua konstruk jenis penglibatan ibu bapa tersebut ialah pembelajaran di rumah ($r=.314$, $k<.05$) dan komunikasi ($r=.201$, $k<.05$). Dapatan ini menjelaskan latar belakang pendidikan ibu bapa mempengaruhi penglibatan mereka dalam pembelajaran anak-anak di rumah. Ia juga mempengaruhi penglibatan mereka dalam berkomunikasi dengan guru dan pihak sekolah. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih baik cenderung untuk terlibat dalam pembelajaran anak-anak mereka di rumah (Lee & Bowen, 2006) serta memperuntukkan ruang komunikasi untuk mengetahui perkembangan anak mereka sama ada melalui telefon atau berjumpa sendiri dengan guru anak mereka.

Konstruk memenuhi tanggungjawab sebagai ibu bapa, kesukarelawan dan pembuatan keputusan tidak memberikan nilai korelasi yang signifikan dengan tahap pendidikan. Ia menunjukkan tiga jenis penglibatan tersebut tidak dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan ibu bapa. Ibu bapa tanpa mengira latar belakang pendidikan tetap memenuhi tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa. Begitu juga penglibatan ibu bapa sebagai sukarelawan atau pembuat keputusan di sekolah yang turut tidak dipengaruhi oleh tahap pendidikan mereka. Majoriti individu yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan didorong oleh keinginan yang tinggi untuk membantu masyarakat (Nichols & King, 1999). Hal ini mungkin mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam aktiviti kesukarelawan di sekolah manakala ibu bapa percaya bahawa walaupun mereka tidak mempunyai latar pendidikan yang tinggi, pendapat mereka tetap diterima oleh pihak sekolah.

KESIMPULAN

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah rendah dalam kajian ini berada pada tahap yang baik bagi tiga jenis penglibatan iaitu sebagai memenuhi tanggungjawab sebagai ibu bapa, pembelajaran di rumah dan pembuat keputusan manakala penglibatan ibu bapa dalam komunikasi berada pada tahap sederhana. Dapatan turut menunjukkan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawan di sekolah berada pada tahap rendah. Selain itu, aktiviti membantu anak menyiapkan kerja sekolah dan menyemak kerja sekolah anak merupakan strategi yang paling kerap dilakukan oleh ibu bapa tanpa mengira latar belakang pendidikan mereka untuk menyumbang dalam pendidikan anak-anak mereka. Namun mereka percaya jika mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, mereka lebih cenderung untuk membantu pembelajaran anak-anak ketika di rumah serta berkomunikasi dengan guru yang mengajar anak mereka. Dalam hal ini, pihak sekolah disarankan agar mengadakan program strategik yang boleh membantu ibu bapa melaksanakan pembelajaran di rumah memandangkan strategi pembelajaran ibu bapa sangat jauh berbeza dengan strategi pembelajaran anak-anak. Program yang melibatkan pihak sekolah dan ibu bapa seperti sarana ibu bapa dan sarana sekolah yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan harus dimanfaatkan sepenuhnya kerana ia berkemampuan meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak.

RUJUKAN

- Armstrong-Piner, S.L. (2008). An exploratory study of parent involvement as measured by Joyce Epstein's overlapping spheres of influence. Dissertasi Ph.D. Regent University.
- Biedinger, N. (2011). The influence of education and home environment on the cognitive outcomes of preschool children in Germany. *Child Development Research*, 1-10.
- Christenson, S. I. & Sheridan, S. M. (2001). School and families: Creating essential connections for learning. New York: Guilford Press.
- Connors, L.J. & Epstein, J.L. (1995). Taking stock. Views of teachers, parents, and students on school, family community partnerships in high schools. Technical Report 25. Center on Families, Communities, Schools, and Children's Learning, Johns Hopkins University.
- Desimone, L. M. (1999). Linking parent involvement with student achievement: Do race and income matter? *The Journal of Educational Research*, 93(1), 11-30.
- Deslandes, R. & Bertrand, R. (2005). Motivation of parent involvement in secondary-level schooling. *The Journal of Educational Research*, 98, 164-175.
- Epstein, J.L. (1986). Toward an integrated theory of school and family connections. Laporan Teknik 3. Center for Research on Elementary and Middle Schools, The Johns Hopkins University.
- Epstein, J.L. (2001). *School, Family, and Community Partnerships: Preparing Educators and Improving Schools*. Boulder: Westview Press.
- Epstein, J. L., & Hollifield, J. H. (1996). Title 1 and school-family-community partnerships: Using research to realize the potential. *Journal of Education for Students Placed at Risk* 1(3), 263-278.
- Epstein, J. L. & Salinas, K. C. (1993). *School and family partnerships: Surveys and summaries*. Baltimore: Johns Hopkins University, Center on School, Family, and Community Partnerships.
- Fan, X. & Chen, M. (2001). Parental involvement and students' academic achievement: A meta-analysis. *Educational Psychology Review*, 13(1), 1-22.

- Fantuzzo, J., Tighe, E. & Childs, S. (2000). Family involvement questionnaire: A multivariate assessment of family participation in early childhood education. *Journal of Educational Psychology*, 92, 367-376.
- Fitriah, A., Sumintono, B., Subekti, N.B., Hassan, Z. (2013). A different result of community participation in education: an Indonesian case study of parental participation in public primary schools. *Asia Pasific Education Review*, 14(4), 483-493.
- Fraenkel, T. & Wallen, W. (2003). *How to Design and Evaluate Research in Education*. Boston: McGraw-Hill.
- Goldscheider, F. K., Thornton, A. & Yang, I.S. (2001). Helping out the kids: Expectations about parental support in young adulthood. *Journal of Marriage and Family*, 63(3), 727-740.
- Gulson Begum Khalid & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2013). Communication strategies for parents and the community involvement at integrated special education school. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 2(4), 6-11.
- Hashim, C. N., Syed Hassan, S. S., Mansor, N. & Badzis, M. (2015). Parental involvement in children's schooling: the difference between primary and secondary schools. In: IRES 11th International Conference on Economics, and Social Sciences, 24th October 2015, Seoul, Korea.
- Henderson, A. T. & Mapp, K. I. (2000). *A new wave of evidence: The impact of family, school, community connections on student achievement*. Austin, TX: Southwest Educational development laboratory.
- Hoover-Dempsey, K. V. & Sandler, H. M. (1995). Parental involvement in children's education: Why does it make a difference? *Teachers College Record*, 97, 310-331.
- Hoover-Dempsey, K. V. & Sandler, H. M. (1997). Why do parents become involved in their children's education. *Review of Educational Research*, 61(3), 3-42.
- Izzo, C. V., Weissberg, R. P., Kaspro, W. J. & Fendrich, M. (1999). A longitudinal assessment of teacher perceptions of parent involvement in children's education and school performance. *American Journal of Community Psychology*, 27(6), 817-839.
- Lee, J. S. & Bowen, N. K. (2006). Parent involvement, cultural capital, and the achievement gap among elementary school children. *American Educational Research Journal*, 43(2), 193-219.
- Miedel, W. T. & Reynolds, A. J. (1999). Parent involvement in early intervention for disadvantaged children: does it matter? *Journal of School Psychology*, 37, 379-402.
- Nichols, G., King, L. (1999). Redefining the Recruitment Niche for the Guide Association In The UK. *Leisure Sciences* 21(4), 307-320.
- Norshidah Mohd Salleh, Zuria Mahmud & Zalizan Mohd Jelas. (2001). Kolaborasi antara ibu bapa dengan sekolah dalam pendidikan khas. Laporan projek jangka pendek GG/009/2001.
- Pallant, J.F. (2005). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using SPSS*. Sydney: Allen & Unwin.
- Parsasirat, Z., Montazeri, M., Yusoooff, F., Subhi, N. & Nen, S. (2013). The most effective kinds of parents on children's academic achievement. *Asian Social Science*, 9(13), 229-242.
- Shaver, A. V. & Walls, R. T. (1998). Effect of title 1, parental involvement on student reading and mathematics achievement. *Journal of Research and Development in Education* 31(2), 91-97.

- Shumow, L., Miller, J.P. (2001). Parents' at-home and at school academic involvement with young adolescents. *Journal of Early Adolescence* 21(1), 68-91.
- Vellymalay, S.K.(2013). Relationship between Malay parents' socioeconomic status and their involvement in their children's education at home. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), 98-108.
- Wan Hanafi, W.A., Ahmad, S.& Ali, N. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107-122.
- Wan Sofiah Meor Osman, 2007, Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak kaum Penan : Kajian kes di Hilir Tinjar, Baram, Sarawak. Kertas kerja no.14 Universiti Malaysia Sarawak.